

---

**UCAPAN PERASMIAN**

**YB. DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU**

**MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
(MOSTI)**

**DI**

**MAJLIS PERASMIAN  
*AWARENESS SEMINAR ON MALAYSIAN STANDARDS (MS)  
2550:2014- CLEANING PERFORMANCE –COMMERCIAL AND  
PUBLIC BUILDINGS***

**PADA**

**26 OKTOBER 2017 (KHAMIS), 9.30 AM  
DEWAN MATRADE, KUALA LUMPUR**

**YANG BERUSAHA EN. KUA ABUN,**

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pengkomersialan)  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

**YANG BERBAHAGIA DATUK FADILAH BAHARIN**

Ketua Pengarah  
Jabatan Standard Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

**YANG BERUSAHA ENCIK NORUDDIN IDRIS**

Presiden  
Persatuan Kontraktor Pencucian Malaysia (MACC)

**Para Penceramah,**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

**Selamat Pagi, Salam sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia**

1. Pertamanya, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua peserta ke *Awareness Seminar on Malaysian Standards (MS) 2550:2014 – Cleaning Performance- Commercial and Public Buildings*. Saya juga ingin merakamkan ucapan syabas dan terima kasih kepada Standards Malaysia dan Persatuan Kontraktor Pencucian Malaysia (MACC) di atas penganjuran seminar ini, yang turut melibatkan penceramah tempatan dan luar negara.

2. Saya dimaklumkan seramai lebih daripada 300 peserta merangkumi pegawai Kerajaan, kontraktor pembersihan dan pemilik bangunan menghadiri seminar ini. Dengan tema seminar '*Transformation From Headcount To Performance Based*' saya percaya selain daripada mempromosikan kesedaran mengenai *Malaysian*

*Standard* (MS), seminar ini menyediakan platform untuk berkongsi pengetahuan serta perkembangan terbaru dalam bidang perkhidmatan pembersihan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

Hadirin sekalian,

3. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan Program Transformasi Nasional (PTN), kualiti dan pematuhan kepada standard telah dikenal pasti sebagai salah satu inisiatif *game changer* dalam mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi. Inisiatif *game changer* ini akan dapat meningkatkan daya saing dan menjana ekonomi Negara menerusi penghasilan produk dan perkhidmatan yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

4. Standards dilihat sebagai alat strategik dalam meningkatkan daya saing ekonomi dalam semua peringkat dan sektor. Hasil penemuan kajian *Economic Impact on the Usage of Standards* yang dijalankan oleh Standards Malaysia pada tahun 2016 menunjukkan satu peratus standard yang dibangunkan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 0.02 peratus bagi bidang Elektrik & Elektronik, 0.26 peratus dalam bidang Makanan dan Minuman serta 0.06 peratus dalam bidang Pertanian. Justeru itu, adalah penting bagi Standards Malaysia untuk terus memainkan peranan dan mempergiatkan usaha dalam membantu industri meningkatkan daya saing masing-masing.

5. Selaras itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mendukung sepenuhnya usaha pembangunan *Malaysian Standard* dalam pelbagai bidang di negara kita demi kesejahteraan rakyat dan

kepentingan industri. Saiz dan potensi pertumbuhan industri pembersihan di Malaysia dapat diterjemahkan melalui nilai output kasar bagi Perkhidmatan Bangunan dan Lanskap. Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan, pada tahun 2012, nilai output kasar Malaysia bagi Perkhidmatan Bangunan dan Landskap adalah berjumlah RM1.4 bilion. Manakala, pada tahun 2016, nilai output kasar telah meningkat kepada RM 2.5 bilion. Pemangkin utama pertumbuhan industri pembersihan ini ialah peningkatan pembinaan baharu infrastruktur bangunan dan kompleks seperti bangunan kerajaan, bangunan pejabat, kilang dan juga institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti.

Hadirin sekalian,

6. Senario aktiviti pembersihan di Malaysia hari ini lebih memberi fokus kepada bilangan pekerja pembersihan semata-mata, iaitu *headcount* dalam melaksanakan perkhidmatan pembersihan. Realiti ini lebih mencabar apabila harga terendah menjadi kriteria utama dalam proses pemilihan kontrak. Justeru, pembekal perkhidmatan perlu mengimbangi nilai kontrak yang rendah dengan jangkaan tinggi pemegang taruh. Amalan *headcount* ini tidak mendorong kepada pengutamaan aplikasi teknologi dan inovasi bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja. Malah amalan ini menyebabkan bidang pembersihan sangat bergantung kepada bilangan pekerja yang majoritinya merupakan tenaga buruh asing.

7. Kewujudan lompong dalam pengukuran "*how clean is clean*" telah menimbulkan ketidakselarasan dalam proses penilaian kualiti kerja pembersihan. Justeru itu, *Malaysian Standard (MS) 2550: 2014 – Cleaning Performance-Commercial and Public Buildings* telah

dibangunkan sebagai rujukan kepada kontraktor pembersihan dan pemilik bangunan bagi mengukur prestasi pembersihan yang dijalankan. MS 2550 ini menekankan kecekapan industri dalam melahirkan tenaga kerja mahir yang akan meningkatkan mutu industri pembersihan ke tahap yang lebih baik.

8. Saya ingin menarik perhatian hadirin sekalian, MS 2550 yang dibangunkan ini saling melengkapi Standard Kemahiran Pekerjaan Nasional (NOSS) yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Sumber Manusia bagi melatih pekerja pembersihan awam. NOSS merupakan dokumen yang menggariskan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang diperlukan oleh pekerja dalam sesuatu industri termasuklah pembersihan awam. Ia menyediakan peluang kepada kontraktor pembersihan untuk memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang diiktiraf di peringkat nasional dengan Sijil Kemahiran Malaysia seterusnya meningkatkan nilai pasaran dan prospek kerjaya mereka. Pada masa yang sama, ia membantu kontraktor pembersihan untuk mencapai produktiviti dan kualiti yang lebih tinggi melalui tenaga kerja mahir dan bermotivasi. Sementara itu, pemakaian MS 2550 menekankan keperluan kompetensi pekerja pembersihan dapat meningkatkan permintaan terhadap pekerja yang terlatih di bawah NOSS dan ini akan dapat memartabatkan industri pembersihan ke satu tahap lebih baik di masa akan datang.

Hadirin sekalian,

9. Anjakan paradigma daripada **headcount** kepada **performance based** dalam menilai mutu kerja pembersihan adalah satu langkah ke hadapan bagi membebaskan industri pembersihan daripada dibebani

masalah pekerja asing. Untuk tujuan ini, MS 2550 digalakkan untuk dilaksanakan di kedua-dua kategori bangunan awam dan swasta supaya kontraktor pembersihan dinilai berdasarkan prestasi pembersihan yang lebih sistematik dan mematuhi keperluan standard. Dengan garis panduan penilaian pembersihan yang jelas dan sistematik, diharap akan meningkatkan inisiatif penggunaan teknologi dan inovasi secara lebih meluas dalam industri ini.

10. Bagi menilai keberkesanan pemakaian MS 2550 ini, satu projek perintis telah bermula dari bulan Jun sehingga Disember 2017. Projek perintis ini melibatkan 3 kontraktor pembersihan, yang merupakan ahli persatuan MACC dan 4 organisasi / pemilik bangunan yang terdiri daripada kompleks membeli-belah Boustead Curve Sdn. Bhd (The Curve), Express Rail Link Sdn. Bhd. iaitu di Stesen keretapi ERL, KL Sentral dan institusi pengajian tinggi iaitu UiTM Shah Alam dan UiTM cawangan Raub. Seminar yang diadakan ini juga merupakan salah satu daripada aktiviti di bawah projek perintis ini. Diharapkan, hasil daripada projek perintis ini akan dapat digunakan sebagai *success story* untuk menggalakkan pemakaian MS 2550 di dalam bidang pembersihan di Malaysia. Untuk jangka masa panjang, ini akan memberikan impak yang positif kepada imej Negara terutama bagi menyokong industri yang berkaitan seperti hospitaliti, fasiliti dan pelancongan.

Hadirin sekalian,

11. Sesungguhnya sokongan yang berterusan daripada pelbagai pihak adalah sangat penting dalam memartabatkan profesionalisme dalam industri pembersihan. Dalam menuju ke arah *4th Industrial Revolution* yang akan melibatkan penggunaan teknologi yang lebih maju

seperti mekanisasi dan robotik, MS 2550 dilihat sebagai satu *enabler* yang sangat berkesan untuk meningkatkan penggunaan teknologi dan inovasi yang berkaitan. MOSTI amat mengalu-alukan sebarang cadangan, idea saintifik, penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan bagi menambah baik aktiviti pembersihan di Malaysia supaya dapat memberi manfaat kepada semua yang terlibat dalam industri ini. Adalah diharapkan agar kesemua inisiatif yang telah dilaksanakan atau akan dilaksanakan dapat membuahkan hasil dan memberikan impak yang positif.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya berharap agar semua pihak mendapat manfaat daripada seminar ini. Sekali lagi syabas dan terima kasih kepada Standards Malaysia dan MACC atas penganjuran seminar ini. Penghargaan juga saya tujukan kepada para penceramah dalam dan luar Negara kerana sudi berkongsi kepakaran mereka kepada semua dalam bidang pembersihan.

13. Saya dengan ini merasmikan *Awareness Seminar on Malaysian Standards (MS) 2550:2014 – Cleaning Performance – Commercial and Public Buildings*.

Terima kasih.